

# Pameran arca di Sandakan bermula hari ini

## Mardinah Jikur

SANDAKAN : Pameran Arca hasil rekaan 61 peserta pertandingan seni arca sempena penyiapan projek Sandakan Harbour Square (SHS) pada tahun lalu akan dipamerkan di Tingkat Bawah, Harbour Mall Sandakan, di sini bermula hari ini (29 Jun) sehingga 7 Julai.

Timbalan Presiden Kanan ICSD Ventures Sdn Bhd (Malaysia Timur), Chen Min Sang dan Perunding Perhubungan Kerajaan dan Hal Ehwal Awam ICSD Venture Sdn Bhd (Malaysia Timur), Datuk Thomas Lau, berkata, 61 peserta dari seluruh negara itu terdiri daripada mere-

ka yang telah menyertai pertandingan anjuran Ireka Development Management Sdn Bhd dan ICSD Ventures Sdn Bhd dengan Majlis Perbandaran Sandakan (MPS).

Pertandingan yang dibuka pada bermula Mac sehingga 16 April tahun lepas itu menawarkan hadiah sehingga RM30,000.

"Arca yang dihasilkan bertemakan rasa bangga terhadap destinasi eko-pelancongan Malaysia-Sandakan selain menggambarkan keunikan daerah ini," kata Chen dan Thomas pada sidang media di sini,

Jumaat.

Selain hadiah utama, idea pemenang pertandingan itu juga dipilih dan dihidupkan dalam bentuk arca ikonik sebenar yang dibina di Piazza Sandakan Harbour Square, berhampiran Harbour Mall.

Presiden MPS, Datuk Ir. James akan menyempurnakan majlis memperkenalkan arca tersebut kepada umum pada 1 Julai ini yang juga bersempenakan Perayaan 50 Tahun Sabah Merdeka Dalam Malaysia.

Dalam pada itu, orang ramai juga dialu-alukan berkunjung ke pameran arca tersebut.

Pameran dibuka bermula pukul 9 pagi hingga 9 malam.